

# **Kenyataan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai Majlis Penuh Pada 31 Mei 2011**

---

## **1. LESEN PENGANJUR PASAR RAMADHAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk lesen Penganjur Pasar Ramadhan akan mula dibuka mulai 1 Jun 2011 dan tarikh tutup permohonan adalah 30 Jun 2011.

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan mulai 1 sehingga 10 Julai 2011 dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada 11 Julai 2011.

Taklimat kepada penganjur dijadualkan akan diadakan pada 18 Julai 2011.

Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai 1 Jun 2011 di :-

- Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda
- Kaunter MPSP Cawangan Butterworth, Jalan Dato' Haji Ahmad Said
- Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan

Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP di talian no. 04-5497679 / 04-5497682.

## **2. HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Kesempatan ini, seluruh warga kerja MPSP, dengan penuh hormat dan takzimnya ingin mengucapkan Selamat Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang akan disambut pada 4 Jun 2011 (Sabtu).

## **3. LAB PENGENALAN KEPADA KESAKSAMAAN GENDER DAN URUS TADBIR BAIK DALAM PBT**

Pihak MPSP akan menganjurkan Lab Pengenalan Kepada Keaksamaan Gender dan Urus Tadbir Baik Dalam PBT pada 16 Jun 2011 (Khamis). Lab ini melibatkan Ahli-Ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MPSP. Lab ini dianjurkan bertujuan untuk pendedahan dan juga melihat keperluan pelaksanaan kesaksamaan gender dan urus tadbir baik di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.

#### **4. LAB KESEDARAN DAN KEPERLUAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

Adalah dimaklumkan bahawa Malaysia dengan rasminya telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) pada 19 Julai 2010 (dengan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18 konvensyen). Sehubungan itu, Malaysia telah menjadi negara pihak (state party) kepada Konvensyen tersebut dan terikat untuk melaksanakan komitmen serta obligasi di bawah Konvensyen setelah 30 hari meratifikasinya.

Justeru, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan mengadakan Lab Kesedaran dan Keperluan Orang Kurang Upaya pada 25 – 26 Jun 2011 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Auditorium, Majlis Perbandaran Seberang Perai bertujuan untuk memastikan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain. Kumpulan sasaran lab ini adalah kepada pihak Surveyor, Planner, Engineer, Architech dan Developer. Bayaran penyertaan dikenakan sebanyak RM250 bagi setiap peserta. Kepada yang berminat, sila hubungi Jabatan Kemasyarakatan ditalian 04-5497489.

#### **5. TINDAKAN PENGUATKUASAAN MPSP BULAN MEI 2011**

Sepanjang bulan Mei 2011, Direktorat Penguatkuasaan telah menyerahkan 40 notis berhenti kerja dan 51 notis meroboh ke atas binaan-binaan tanpa kebenaran.

Sebanyak 1,009 buah premis perniagaan telah diperiksa dan dari jumlah tersebut sebanyak 93 kompaun telah dikeluarkan kerana tidak mempunyai lesen.

Direktorat Penguatkuasaan juga telah mengeluarkan 118 kompaun kenderaan berat di dalam taman-taman perumahan serta 104 kompaun ke atas kenderaan Lori Tanah yang menyebabkan jalan kotor.

Sebanyak 247 buah kenderaan telah dikunci tayar dengan kutipan sebanyak RM12,350 telah bayaran diterima.

Manakala bagi kompaun parking pula, sebanyak 9,481 kompaun parking telah dikeluarkan dan kompaun telah dibayar adalah berjumlah RM64,905 bagi bulan Mei 2011.

**Sekian, terima kasih.**